Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC menurunkan Kadar Dasar Semalaman sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan Mei 2019. Pelarasan ini bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari.**

OPR kekal akomodatif

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) menurunkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan Mei 2019. Berikutan itu, kadar koridor tertinggi dan terendah bagi OPR masing-masing diturunkan kepada 3.25% dan 2.75%.

Walaupun ekonomi dunia terus berkembang, keadaan asas ekonomi terus menunjukkan potensi pertumbuhan masa depan yang agak sederhana. Walau bagaimanapun, masih wujud risiko ketara yang boleh menjejaskan pertumbuhan global yang berpunca daripada ketegangan perdagangan yang berlarutan. Selain itu, kelemahan yang berpanjangan khusus pada negara-negara tertentu dalam ekonomi utama turut menjejaskan aktiviti perdagangan dan pelaburan global. Ketidakpastian dasar yang semakin ketara boleh membawa kepada pelarasan pasaran kewangan yang mendadak, dan seterusnya menjejaskan prospek keseluruhan.

Bagi Malaysia, unjuran asas menunjukkan bahawa ekonomi akan berkembang antara 4.3% hingga 4.8%. Namun begitu, masih wujud risiko pertumbuhan menjadi rendah disebabkan oleh ketidakpastian yang semakin meningkat dalam persekitaran global dan dalam negeri, ketegangan perdagangan serta kelemahan yang berlanjutan dalam sektor berkaitan komoditi.

Inflasi keseluruhan pada amnya dijangka stabil pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018. Walau bagaimanapun, dalam tempoh terdekat, inflasi dijangka terus berada pada paras yang rendah disebabkan terutamanya oleh penetapan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik serta kesan perubahan dalam dasar cukai penggunaan. Trajektori inflasi keseluruhan, bagaimanapun, akan terus bergantung pada pergerakan harga minyak dunia. Inflasi asas dijangka terus stabil, disokong oleh aktiviti ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

Pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan, meskipun berlaku volatiliti untuk tempoh tertentu yang disebabkan terutamanya oleh perkembangan global. Walaupun keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong pertumbuhan ekonomi, terdapat tanda-tanda keadaan kewangan menjadi semakin ketat. Oleh itu, pelarasan terhadap OPR adalah bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari. Langkah pelarasan ini adalah sejajar dengan pendirian dasar monetari untuk menyokong pertumbuhan yang berterusan dalam keadaan harga yang stabil.

Pada tahap OPR ini, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. Pada masa hadapan, MPC akan terus memantau dan menilai imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan domestik dan inflasi.

Sorotan dasar lain pada suku pertama 2019

Dokumen dasar mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan (*Investment-linked*, IL) telah diterbitkan pada bulan Januari 2019 untuk memperkukuh keperluan kehematan dan pengendalian perniagaan IL, dan juga memastikan pemilik polisi/peserta takaful diberikan layanan yang adil. Pelaksanaan Kadar Peruntukan Minimum (*Minimum Allocation Rates*, MAR) bertujuan melindungi nilai akaun pelanggan selaras dengan pemansuhan had komisen dan perbelanjaan agensi[5]. Selain itu, keperluan tertentu juga digariskan untuk menangani jurang dalam amalan industri yang sedia ada dan memastikan tempoh liputan polisi/sijil takaful IL akan berterusan sehingga tamat tempoh kontrak polisi/sijil takaful IL[6]. Keperluan penzahiran[6] juga dipertingkatkan untuk membantu pemahaman pengguna mengenai risiko dan manfaat utama polisi/sijil takaful IL.

Pada bulan Januari 2019, Bank Negara Malaysia menerbitkan dokumen dasar mengenai *Publishing Open Data using Open API* sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menggalakkan perkongsian data yang tersedia[7] untuk awam. Dokumen dasar ini menggariskan cadangan Bank Negara Malaysia kepada industri dalam membangunkan dan menerbitkan *Open Application Programming Interface* (*Open API*) untuk memudahkan akses kepada data yang tersedia untuk awam. Cadangan-cadangan ini merangkumi pertimbangan mengenai reka bentuk *Open API* dan juga langkah-langkah keselamatan yang setara dengan tahap sensitiviti data yang dikongsi menerusi *Open API*. Cadangan ini berlandaskan *Open Data API Specifications* yang dibangunkan oleh Kumpulan Pelaksana *(Implementation Group) Open API*. Kumpulan Pelaksana yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia telah ditubuhkan pada bulan Mac 2018 untuk mengenal pasti dan membangunkan *Open API* yang seragam (*standardised*) bagi kegunaan dalam kes-kes berimpak tinggi. Kumpulan Pelaksana juga telah membangunkan spesifikasi yang seragam bagi *Open API* mengenai maklumat produk yang berkaitan dengan pembiayaan PKS, kad kredit dan insurans/takaful motor. Bank Negara Malaysia menggalakkan institusi kewangan untuk menerima pakai spesifikasi tersebut bagi memastikan penerbitan *Open Data API* yang seragam oleh industri secara keseluruhannya.

[5] Berkuat kuasa 1 Julai 2019 (bagi pengendali insurans hayat) dan 1 Julai 2020 (bagi pengendali takaful keluarga).
[6] Berkuat kuasa 1 Januari 2020 bagi pengendali insurans hayat dan takaful keluarga.
[7] Merujuk data yang tersedia dan boleh digunakan awam yang diterbitkan oleh institusi kewangan, termasuk maklumat produk kewangan (iaitu maklumat utama produk kewangan seperti yang terkandung dalam halaman penzahiran produk, yang memudahkan pelanggan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi).